

02/05/1999

Tindakan Wan Azizah ke Manila memalukan rakyat Malaysia

KUALA SELANGOR: Tindakan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengadakan lawatan ke Manila baru-baru ini adalah bukti jelas campur tangan pihak luar negara terhadap hal ehwal dalaman dan pentadbiran negara ini.

Naib Presiden Umno yang juga Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata tindakan Presiden parti KeADILan itu memalukan rakyat Malaysia dan Umno.

"Kita tidak pernah mengamalkan pemerintahan diktator sebagaimana yang didakwa dan Dr Wan Azizah tidak sepatutnya menyamakan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan bekas Presiden Filipina, Ferdinand Marcos.

"Kita juga tidak mahu mana-mana pihak luar campur tangan dalam sebarang urusan pentadbiran negara sebagaimana kita tidak pernah campur tangan dalam hal ehwal negara lain," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno bahagian Kuala Selangor di Dewan Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor di sini, semalam.

(END)